

## Tebatan banjir RM1.5b

**J**abatan Pengairan dan Saliran (JPS) memperuntukkan RM1.5 bilion untuk projek tebatan banjir dan pengurusan sungai di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Ketua Pengarah JPS, Datuk Keizrul Abdullah berkata projek tebatan banjir ditumpukan di empat bandar utama iaitu Kuching dengan peruntukan sebanyak RM713 juta, Sibu (RM410 juta), Miri (RM265 juta) dan Bintulu (RM100 juta).

"Projek akan dilaksanakan secara berperingkat tetapi kita akan memastikan ia disiapkan mengikut jadual," katanya selepas menyaksikan pelancaran Program Satu Negeri Satu Sungai oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Dr George Chan di sini semalam. - Bernama